



فجابت ستياوسها كراجان جوهر،
بهاكين فغوروسن سومبر مانسي

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
ARAS 2, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR, 79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR



Setiausaha Bahagian : 07-2666487 Pejabat Am : 07-2666505, 07-2666506 Fax Pejabat : 07-2909010/11 Portal Rasmi : <http://www.johor.gov.my/psm>

Ruj. Kami : SUKJ.BPSM.600-11/25/8 Jilid 2(18)

Tarikh : // Disember 2024

9 Jamadilakhir 1446H *Diterima*

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Badan Berkanun Negeri / Syarikat Berkaitan Kerajaan Johor

12 DEC 2024

Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor
(Pengurusan)

Yang Berhormat Dato'/Yang Berhormat Datin Paduka/Yang Amat Arif Dato'/Tuan/ Puan,

PERUBAHAN CUTI Hujung Minggu Negeri Johor

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor di dalam mesyuaratnya pada 10 Disember 2024 setelah menimbang Kertas J/HB(P)88/B/2024 telah mengambil keputusan sebagaimana berikut :

- 2.1 Jawatankuasa **BERSETUJU** pertukaran cuti hujung minggu kepada hari Sabtu dan Ahad berkuatkuasa mulai 1 Januari 2025 sebagaimana **perenggan 4.1**.
- 2.2 Jawatankuasa juga **BERSETUJU** dengan cadangan pindaan klausa pada warta Hari Kelepasan Am Negeri Johor Bagi Tahun 2025 sebagaimana **perenggan 4.1.1** dan seterusnya keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor dimesyuaratnya pada 4/9/2024 menimbang Ringkasan Mesyuarat Bil. 1424/2024 iaitu Kertas Bil. (2) adalah dipinda pada klausa tersebut.
- 2.3 Jawatankuasa seterusnya **BERSETUJU** dengan hari dan cadangan waktu bekerja **fleksi sebagaimana di perenggan 4.1.3** bagi penjawat awam yang terdiri daripada semua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, serta semua Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan di Negeri Johor.

2/...

Sila nyatakan nombor rujukan kami apabila menjawab surat ini



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 CERT. NO.: QMS 03039

MS ISO 9001:2015 REG. NO.: 174-QMS-03033

Ruj. Kami : SUKJ.BPSM.600-11/25/8 Jilid 2(16)

- 2.4 Jawatankuasa selanjutnya **BERSETUJU** dengan cadangan pakaian seragam dan cara berpakaian bagi anggota perkhidmatan awam di Negeri Johor yang baharu sebagaimana **perenggan 4.1.4.**
 - 2.5 Jawatankuasa juga seterusnya **BERSETUJU** dengan garis panduan waktu persekolahan yang baharu hendaklah dikeluarkan oleh Pengarah Pendidikan Negeri Johor manakala garis panduan waktu persekolahan yang baharu bagi Sekolah Agama Negeri Johor hendaklah dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebagaimana **perenggan 4.1.5.**
 - 2.6 Jawatankuasa juga selanjutnya **BERSETUJU** dengan cadangan diberikan satu Hari Kelepasan Am sempena cuti peralihan minggu akhir Tahun 2024 dan minggu pertama Tahun 2025 **perenggan 4.1.6.**
3. Bersama-sama ini disertakan lampiran bagi perkara 4.1, 4.1.1, 4.1.3, 4.1.4, 4.1.5 dan 4.1.6 untuk makluman dan tindakan pentadbiran Yang Berhormat Dato'/Yang Berhormat Datin Paduka/Yang Amat Arif Dato'/Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD EZZUDDIN BIN SANUSI K.B.;P.A.)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
b.p. Setiausaha Kerajaan
Johor

HR/NANA/nmt

PELAKSANAAN PERUBAHAN CUTI HUJUNG MINGGU NEGERI JOHOR

4.1 Berikutan daripada titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor berkenaan pertukaran cuti hujung minggu negeri Johor, pelaksanaannya akan mempengaruhi kepada beberapa perkara sebagaimana berikut:

4.1.1 Pindaan Warta Hari Kelepasan Am Negeri Johor Tahun 2025

Cadangan pindaan warta Hari Kelepasan Am Negeri Johor Bagi Tahun 2025 pada klausa;

*“Apabila Hari Kelepasan jatuh pada Hari Kelepasan Mingguan (**Jumaat**) atau Hari Kelepasan yang lain, maka hari tersebut digantikan dengan hari bekerja berikutnya dan jika hari yang berikutnya itu pula merupakan Hari Kelepasan, maka hari yang berikutnya dijadikan Hari Kelepasan. Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Sabtu ianya tidak digantikan dengan hari berikutnya.”*

Kepada

*“Apabila Hari Kelepasan jatuh pada Hari Kelepasan Mingguan (**Ahad**) atau Hari Kelepasan yang lain, maka hari tersebut digantikan dengan hari bekerja berikutnya dan jika hari yang berikutnya itu pula merupakan Hari Kelepasan, maka hari yang berikutnya dijadikan Hari Kelepasan. Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Sabtu ianya tidak digantikan dengan hari berikutnya.”*

Dengan ini, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor dimesyuaratnya pada 4/9/2024 menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. 1424/2024 iaitu Kertas Bil. (2) adalah dipinda pada klausa di atas.

4.1.3 Waktu Bekerja Baharu Bagi Penjawat Awam di Negeri Johor

Merujuk kepada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor didalam Pembentangan Belanjawan Johor 2025, jadual waktu bekerja jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan di Negeri Johor akan diselaraskan semula mengikut pelaksanaan diperingkat Persekutuan. Oleh yang demikian jadual waktu bekerja semua penjawat awam negeri dan persekutuan di negeri Johor adalah sebagaimana **Ceraian SR4.1.1 MyPPSM Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi di agensi Persekutuan** yang telah ditimbalguna pemakaiannya oleh Kerajaan negeri Johor bagi pelaksanaan di negeri.

Waktu Bekerja Fleksi (WBF) adalah merupakan masa bekerja yang fleksibel di mana pegawai diberi fleksibiliti untuk hadir bekerja dalam tempoh waktu masuk dan waku pulang yang ditetapkan, dengan syarat memenuhi tempoh

waktu bekerja sehari. WBF diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

Jadual waktu bekerja fleksible bagi penjawat awam di negeri Johor bermula 1 Januari 2025 adalah sebagaimana Lampiran B dan Jadual waktu bekerja fleksible penjawat awam di negeri Johor bagi bulan Ramadhan adalah sebagaimana di Lampiran C.

Penyelarasan perkhidmatan dan operasi di kaunter-kaunter pejabat kerajaan di negeri Johor akan dilaksanakan selepas maklumbalas bagi kajian pelaksanaannya diperolehi Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

4.1.4 Penetapan Pakaian Penjawat Awam

Aturan pakaian bagi penjawat awam Negeri Johor yang baharu adalah seperti berikut:

Hari	Pakaian Lelaki	Pakaian Wanita
Isnin	Baju Korporat	Baju Korporat
Selasa	Pakaian Pejabat	Baju Kurung Johor dan Bertudung (Islam) Sopan / Baju Kurung Johor / Pakaian Hormat Kebangsaan masing-masing (Bukan Islam)
Rabu	Pakaian Pejabat	Baju Kurung Johor dan Bertudung (Islam) Sopan / Baju Kurung Johor / Pakaian Hormat Kebangsaan masing-masing (Bukan Islam)
Khamis	Baju Batik Lengan Panjang	Baju Kurung Johor Bercorak Batik dan Bertudung (Islam) Baju Kurung Johor Bercorak Batik (Bukan Islam)
Jumaat	Baju Melayu Teluk Belanga (Sepersalinan), Bersamping Berdagang Luar,	Baju Kurung Johor dan Bertudung (Islam)

	Bersongkok dan Bersepatu (Islam)	
	Pakaian Pejabat (Bukan Islam)	Sopan / Baju Kurung Johor / Pakaian Hormat Kebangsaan masing-masing (Bukan Islam)

** Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa*

Tatacara pemakaian baju batik adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 – Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja Dan Menghadiri Upacara Rasmi.

Etika pakaian baju korporat hendaklah seragam dengan kedudukan jata Johor berada di bahagian utama kiri baju korporat. Turut diberi keutamaan adalah logo jabatan atau logo-logo kedua berada di bahagian utama kanan baju korporat.

Aturan cara berpakaian penjawat awam Negeri Johor adalah **DIKECUALIKAN** kepada:

Aturan ini tidak terpakai kepada pegawai awam yang dibekalkan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat asing atau yang menghadiri istiadat atau majlis rasmi yang telah ditetapkan pakaian mengikut jenisnya.

Pengecualian juga diberi kepada pegawai awam yang sedang menerima rawatan atau telah diberi nasihat doktor perubatan kerajaan berhubung pakaian yang sesuai untuk ke tempat bertugas.

4.1.5 Garis Panduan Waktu Persekolahan

Garis panduan waktu persekolahan yang baharu hendaklah dikeluarkan oleh Pengarah Pendidikan Negeri Johor manakala garis panduan waktu persekolahan yang baharu bagi Sekolah Agama Negeri Johor hendaklah dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

4.1.6 Hari Kelepasan Am pada Isnin (6 Januari 2025)

Cadangan diberikan satu (1) Hari Kelepasan Am sempena cuti transisi kerana peralihan minggu akhir Tahun 2024 dan minggu pertama Tahun 2025 adalah di dalam minggu yang sama menyebabkan jumlah hari bekerja pada minggu tersebut adalah enam (6) hari termasuk hari Jumaat. Oleh yang demikian, dicadangkan agar cuti hari kelepasan Am pada hari Isnin (6 Januari 2025) untuk menyeimbangkan semula bilangan hari bekerja pada

minggu tersebut. Pemberian cuti ini adalah sebagaimana Seksyen 9(1); Hari Kelepasan Am Negeri Dan Wilayah Persekutuan merujuk Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] iaitu memperuntukkan;

“Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkannya patut, menetapkan suatu hari untuk diterima sebagai hari kelepasan am Negeri dalam mana-mana Negeri itu, dan hari tersebut hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, diterima sebagai hari kelepasan am Negeri dalam mana-mana Negeri itu, dan hari tersebut hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, diterima sebagai hari kelepasan am dalam negeri tersebut.”

**JADUAL WAKTU BEKERJA FLEKSI BAGI PENJAWAT AWAM DI NEGERI
JOHOR BERMULA 1 JANUARI 2025**

Negeri	Hari	Waktu Bekerja Fleksi	Waktu Rehat	Tempoh bekerja
Johor	Isnin - Khamis	7.30 pagi – 9.00 pagi (Tempoh waktu masuk) Hingga 4.30 ptg – 6.00 ptg (Tempoh waktu pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	1.00 petang – 2.00 petang (1 jam)	9 Jam (sehari) (termasuk waktu rehat)
	Jumaat	7.30 pagi – 9.00 pagi (Tempoh waktu masuk) Hingga 4.30 ptg – 6.00 ptg (Tempoh waktu pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	12.15 tengahari – 2.45 petang (2 jam 30 minit)	9 Jam (sehari) (termasuk waktu rehat)

LAMPIRAN C

**JADUAL WAKTU BEKERJA FLEKSI PADA BULAN RAMADHAN BAGI
PENJAWAT AWAM DI NEGERI JOHOR BERMULA
1 JANUARI 2025**

Negeri	Hari	Waktu Bekerja Fleksi	Waktu Rehat	Tempoh bekerja
Johor	Isnin - Khamis	7.30 pagi – 9.00 pagi (Tempoh waktu masuk) Hingga 4.00 ptg – 5.30 ptg (Tempoh waktu pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	1.00 petang – 1.30 petang (30 minit)	9 Jam (sehari) (termasuk waktu rehat)
	Jumaat	7.30 pagi – 9.00 pagi (Tempoh waktu masuk) Hingga 4.00 ptg – 5.30 ptg (Tempoh waktu pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	12.30 tengahari -2.30 petang (2 jam)	9 Jam (sehari) (termasuk waktu rehat)